



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

KPM.KPPM.S.100.Jld.5 (13)
/ 8 Februari 2023

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**TEMPLAT PEREKODAN DAN PELAPORAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH BAGI
UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK 2022/2023 SECARA LUAR TALIAN**

Dengan hormatnya perkara di atas dan Kenyataan Media Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM): Perekodan dan Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Bagi Sesi Akademik Tahun 2022/2023 bertarikh 15 Februari 2023 adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa KPM telah menyediakan Templat Perekodan dan Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi Ujian Akhir Sesi Akademik 2022/2023 Secara Luar Talian untuk guru merekod markah/skor dan melaporkan tahap penguasaan (TP) PBD. Templat baharu ini adalah sebagai **alternatif** kepada guru selain daripada merekod dan melaporkan secara dalam talian melalui Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu (SPPB) KPM.

3. KPM juga memaklumkan bahawa templat pelaporan dan manual pengguna pelaporan tersebut boleh dimuat turun mulai **20 Februari 2023** dari **portal KPM** (<https://www.moe.gov.my/>) dan **portal Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK)** (<http://bpk.moe.gov.my/>) dalam dua fail .zip seperti yang berikut:

- 3.1 Pelaporan_offline.zip
- 3.2 Manual pengguna pelaporan_offline.zip

4. Sehubungan dengan itu, dimohon kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan untuk memaklumkan perkara ini kepada semua sekolah di bawah jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan institusi pendidikan bawah pentadbiran masing-masing.

KPM.KPPM.S.100.Jld.5 (13)

5. Pihak YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan boleh menghubungi **Tuan Haji Rohesan bin Muhamad** di talian **03-8884 3124** atau emel **rohesan.muhamad@moe.gov.my** untuk sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini.


Kerjasama dan sokongan daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HJ. PKHARUDDIN BIN HJ. GHAZALI)

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia